

07 AUG 1997

FORUM PERNIAGAAN ASEAN-ASIA TIMUR AKAN DIPERLUASKAN LAGI

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Forum Perniagaan ASEAN-Asia Timur yang julung kali di adakan di sini dengan memberi tumpuan kepada industri kecil dan sederhana (IKS) rantau Asean, akan diperluaskan lagi bagi memperbaiki kekurangan hubungan antara firma Asean dengan rakan niaga yang lebih besar.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata memandangkan pameran kali ini agak menyeluruh (meliputi sektor elektronik sehingga automobil seluruh Asean), satu pameran lain akan diadakan yang akan hanya memberi tumpuan khas kepada satu-satu sektor sahaja.

Jelas beliau dengan adanya pemfokusan seumpama itu, industri IKS Asean dapat mengenal pasti puluhan ribu komponen kecil yang dibuat di peringkat Asean yang bukan sahaja dapat menambahkan lagi daya persaingan tetapi juga hasil pulangan.

"Dengan cara ini, bolehlah kita wujudkan kerjasama antara firma tempatan/ Asean yang telah dikenal pasti mempunyai keupayaan dari segi jumlah, teknologi dan kapasiti bagi mengeluarkan sesuatu produk itu".

Rafidah berkata demikian kepada pemberita ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan bahawa hubungan antara firma IKS di kebanyakan negara Asean dan rakan-rakan niaga besar masih lemah berbanding dengan negara Asia Timur seperti Jepun dan Korea.

Dr Mahathir, ketika merasmikan Forum Perniagaan Asean-Asia Timur hari ini, berkata hubungan tersebut penting bagi memastikan landasan ekonomi pengindustrian yang lebih kukuh dalam menyediakan pasaran serta peluang bagi pemindahan teknologi yang melampaui sempadan dan perkongsian kepakaran teknikal.

Tambah perdana menteri lagi, apabila tibanya alaf baru, IKS perlu memikul peranan lebih besar dan lebih penting dalam mengukuhkan dan meningkatkan ekonomi negara ASEAN dan Asia Timur.

Terdahulu, dalam ucapannya Rafidah berkata forum perniagaan itu diadakan untuk membuka laluan kepada IKS memupuk pertalian perniagaan bagi meningkatkan daya saingan mereka dalam pasaran serantau dan juga antarabangsa.

Katanya terdapat sambutan menggalakkan daripada rakan kerjasama dalam sesi "mencari rakan niaga", yang memberi peluang untuk kerja subkontrak teknikal, bantuan teknologi dan kerjasama dalam usaha sama serta francais.

Bagi Malaysia, program pertalian perindustrian yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana menawarkan mekanisme kepada syarikat besar untuk menjalankan penyatuan sepanjang rangkaian pembuatan.

Rafidah juga menyatakan bahawa pemeragaan IKS itu sendiri memberikan peluang baik untuk menunjukkan jajaran keluaran dan perkhidmatan daripada sektor IKS dan untuk membolehkan pengeluar lebih besar mencungkil keupayaan dan kebolehan IKS bagi memenuhi keperluan mereka untuk input pengantaraan dan perkhidmatan.

"Umpamanya, syarikat Jepun yang hadir pada forum dan pameran IKS ini telah menyatakan minat mereka untuk mendapatkan bakal pembekal komponen dan alat ganti untuk sektor elektronik," tambahnya. -- BERNAMA

AA SIA